

Sinar Harian - 2 Mac 16

Kemasukan **perlu dihadkan**

DARIPADA pemerhatian seorang mahasiswa, tindakan kerajaan membawa masuk 1.5 juta warga Bangladesh untuk mengisi keperluan sumber tenaga adalah tidak wajar kerana boleh menyebabkan lambakan warga asing di Malaysia.

Menurut penuntut tahun dua Diploma Pengajian Islam (Usuluddin) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Farah Waheedah Saiful Hazmi, bilangan kemasukan pekerja asing perlu dihadkan dan seharusnya cukup untuk mengisi jumlah yang diperlukan.

"Apabila terlalu ramai warga asing, berkemungkinan besar mereka akan merasa selesa dan mula berkuasa di negara ini, berkemungkinan sejarah penjajahan boleh berulang kembali di negara kita," katanya.

Sebagai penuntut universiti awam (UA), Farah Waheedah berkata, tidak menjadi masalah bagi dirinya untuk ceburi bidang 3D, daripada terpaksa menganggur dan buang masa. Tambahan pula, dengan keadaan

ekonomi yang mendesak graduan sepatutnya tidak memilih pekerjaan dan menggunakan konsep tidak kisah apapun pekerjaan, asalkan rezeki halal.

"Bak kata orang, biarlah setimpal apa yang kita akan dapat, dengan apa yang telah kita labur," katanya.

Selain itu, graduan yang berkemahiran dalam bidang vokasional boleh dijadikan alternatif kepada kekurangan sumber yang ada. Sekurang-kurangnya pelaburan yang dibuat kerajaan ke atas bidang ini berbaloi, dan berbakti semula kepada negara.

Bakal menamatkan pengajian tidak lama lagi, Farah Waheedah menyahut seruan kerajaan untuk mengisi peluang pekerjaan dalam sektor 3D jika diberi peluang.

"Saya berpegang pada kata-kata bukan susah untuk menjadi susah dan bukan senang untuk menjadi senang. Bukan selama-lamanya kita berada di tampuk bawahan jika kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kedudukan yang lebih baik," katanya.

